



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	29 July 2015

Gandingan Najib, Ahmad Zahid ulangi sejarah

um-29/7/2015

PUTRAJAYA 28 Julai - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi menyifatkan pelantikannya ke jawatan baharu bagi membentuk gandingan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengulangi sejarah ketika berkhidmat di Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pertahanan.

Ahmad Zahid, 62, yang tidak menyangka dilantik ke jawatan kedua tertinggi itu berjanji memberikan perkhidmatan terbaik bagi membantu Perdana Menteri mentadbir negara.

"Pelantikan ini mengulangi sejarah antara Perdana Menteri dan saya ketika beliau menjadi Menteri Belia dan Sukan, saya dilantik oleh beliau sebagai Setiausaha Politik kemudian mengikut beliau yang bertindak sebagai Menteri Pertahanan.

"Ini merupakan putaran hajat politik yang tidak dijangkakan dan diharapkan tetapi Allah telah mentakdirkan berlaku begini, saya menerima qada dan qadar sebagai takdir dan saya memohon rakan-rakan dalam Kabinet, Ahli Majlis Tertinggi, Ketua UMNO Bahagian dan Ketua Sayap dalam UMNO serta kepimpinan parti dalam Barisan Nasional dapat memberikan dukungan terhadap kepimpinan Perdana Menteri," katanya.


Beliau berkata demikian dalam sidang akbar selepas pengumuman mengenai rombakan Kabinet oleh Perdana Menteri di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Dalam pengumuman yang dibuat pukul 1.40 petang itu, Perdana Menteri melantik Ahmad Zahid sebagai Timbalan Perdana Menteri baharu bagi menggantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Menerusi rombakan Kabinet itu juga jawatan Ahmad Zahid sebagai Menteri Dalam Negeri kekal manakala jawatan Muhyiddin sebagai Menteri Pendidikan digantikan dengan Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Tegas Timbalan Perdana Menteri, kepercayaan yang diberikan oleh Perdana Menteri itu bukan satu ghanimah atau habuan kepadanya tetapi tanggungjawab berat yang perlu dipikul untuk negara, Melayu dan bangsa-bangsa lain di Malaysia.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berkata, beliau memahami keputusan yang dibuat oleh Perdana



Biodata

**Datuk Seri Dr.
Ahmad Zahid Hamidi**

Timbalan Perdana Menteri

Kelayakan Akademik:

- ▶ Diploma Komunikasi Pemasaran dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Universiti Malaya)
- ▶ Ijazah Sarjana Komunikasi Korporat (Universiti Putra Malaysia)
- ▶ Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) Komunikasi (Universiti Putra Malaysia)

Pengalaman korporat:

- ▶ Pegawai Bank OCBC Bank (1976-1977)
- ▶ Penolong Pengurus BSN (1977-1979)
- ▶ Pengurus Pemasaran Amanah Saham Berhad/PNB (1979-1984)
- ▶ Pengarah Eksekutif Scandinavian Motors Sdn. Bhd (1984-1990)
- ▶ Ketua Pegawai Eksekutif Kretam Holding Berhad (1993-1998)
- ▶ Pengerusi BSN (1993-1998)
- ▶ Pengerusi Ramatex Berhad (1995-2000)
- ▶ Pengerusi Seng Hup Berhad (1996-2000)
- ▶ Pengerusi Tekala Holding Berhad (1996-2000)

Jawatan dalam kerajaan:

- ▶ Setiausaha Politik Kementerian Belia dan Sukan (1987-1990)
- ▶ Setiausaha Politik Kementerian Pertahanan (1990-1993)
- ▶ Timbalan Menteri Pelancongan (2004-2006)
- ▶ Timbalan Menteri Komunikasi (2006-2008)
- ▶ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (2008-2009)
- ▶ Menteri Pertahanan (2009-2013)
- ▶ Menteri Dalam Negeri (2013 hingga kini)

Jawatan dalam UMNO:

- ▶ Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bagan Datoh (1984-1995)
- ▶ Naib Ketua Pemuda UMNO Perak (1988-1993)
- ▶ Ketua Pemuda UMNO Perak (1993-1996)
- ▶ Ketua Penerangan Pemuda UMNO (1987-1996)
- ▶ Ketua Pemuda UMNO (1996-1998)
- ▶ Ketua UMNO Bahagian Bagan Datoh (1995 hingga kini)
- ▶ Ahli Majlis Tertinggi UMNO (2000-2008)
- ▶ Naib Presiden UMNO (2008 hingga kini)

Menteri itu sangat berat, namun atas dasar kebersamaan dan sudah berkhidmat dalam tempoh yang lama, beliau sedia menggalas tanggungjawab tersebut.

Beliau turut berjanji untuk membantu Perdana Menteri memberikan perkhidmatan terbaik dengan segala keupayaan yang ada.